



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

**KERATAN AKHBAR  
29 MEI 2019 (RABU)**



**DISEDIAKAN OLEH :  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**



AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	Akhirnya Disita
MUKA SURAT	1

# AKHIRNYA DISITA

BERITA PENUH  
DI MUKA 2 & 3

- Majlis perbandaran bertindak menyita kawasan disyaki pengambilan pasir secara haram di Bukit Beruntung.
- Dalam tempoh 48 jam selepas didedahkan di dalam akhbar *Mingguan Malaysia*.
- Namun jadi tanda tanya kenapa baru disita sedangkan dakwaan kegiatan mencuri tanah itu sudah berlarutan bertahun-tahun.



AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	Lombong Haram Disita
MUKA SURAT	2,3



PTHS arah henti operasi serta-merta

## Lombong haram disita

Oleh MOHAMMAD YASIR  
JAAFAR  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 28 MEI

TIDAK sampai 48 jam *Mingguan Malaysia* mendedahkan beberapa lokasi di Selangor menjadi tumpuan kegiatan perlombongan pasir haram, sebuah kawasan diperlakukan menjadi lokasi aktiviti berkenaan disita oleh Pejabat Tanah Hulu Selangor.

Syabas diucapkan kepada pasukan penguat kuasa pejabat tanah berkenaan atas komitmen tersebut selain mengarahkan pemberhentian semua operasi pengambilan pasir di sebuah kawasan berhampiran Bukit Beruntung, Selangor, semalam.

Malah pujian perlu diberikan kepada pasukan terbabit kerana

berjaya mengenal pasti tempat berkenaan dengan tepat selepas sehari laporan itu disiarkan walaupun *Mingguan Malaysia* tidak mendedahkan lokasi terlibat secara terperinci.

Namun ironinya, pihak yang terlibat dengan kegiatan haram itu sudah ‘menyedut’ hasil bumi berkenaan bertahun-tahun lamanya tanpa dikenakan sebarang tindakan.

Persoalannya, adakah pihak berkuasa terlepas pandang ataupun sememangnya secara ‘sengaja’ tidak pandang dan lebih menghairankan mengapa tindakan dan penguatkuasaan tersebut baru diambil sedangkan aktiviti ‘mencuri’ itu berlaku bukan sehari dua sebaliknya sudah bertahun.

Bak kata sumber yang mendahului perkara tersebut, mereka ini ibarat paku dan penukul.

“Sudah diketuk baru jalan, kalau tak diketuk maka tak masuklah paku itu,” ujarnya.

Menurut sumber tersebut, kawasan terlibat telah disita dan operasi pengambilan pasir dihentikan serta-merta.

“Arahan sita telah dikeluarkan, tempat itu sudah ‘digam’ malah sudah dililit dengan pita kuning.

“Memang di situ ada permit dan kebenaran untuk pengambilan sumber air yang dikeluarkan Lembaga Urus Air Selangor (Luas) tetapi mereka tiada permit untuk ambil pasir,” katanya.

Ahad lalu, laporan khas *Mingguan Malaysia* mendedahkan beberapa operator didapati giat menjalankan kegiatan pengambilan pasir secara tidak sah di tiga kawasan sekitar Selangor sejak sekian lama tanpa dikenakan sebarang tindakan. 2

KAWASAN yang disyaki menjadi lokasi perlombongan pasir secara haram di Bukit Beruntung, Selangor kini diaruh tutup oleh PTHS selepas kegiatan itu didebak oleh *Mingguan Malaysia*.

“Memang di situ ada permit dan kebenaran untuk pengambilan sumber air yang dikeluarkan Lembaga Urus Air Selangor (Luas) tetapi mereka tiada permit untuk ambil pasir.”



AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	Sultan Selangor Kagum Sumbangan Kay Kim
MUKA SURAT	6

# Sultan Selangor kagum sumbangan Kay Kim

Oleh FADZIL ZAINOL

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 28 MEI

**S**ULTAN Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menzahirkan perasaan sedih dan dukacita atas pemergian sejarawan negara, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim.

Sultan Sharafuddin bertitah, sumbangan mendiang sebagai antara individu yang menggubal Rukun Negara adalah sangat dikagumi.

“Beta dan Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin ingin mengucapkan takziah kepada isteri mendiang, Puan Sri Rathi Khoo dan anak-anak mendiang, Eddin, Rubin dan Mavin.

“Ini merupakan satu kehilangan besar kepada negara,” titahnya menerusi kenyataan Titah Ucapan Takziah oleh baginda yang disiarkan dalam akaun Facebook Selangor Royal Office hari ini.

Kay Kim, 82, meninggal dunia di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) akibat masalah jantung hari ini.



“Sumbangan mendiang sebagai antara individu yang menggubal Rukun Negara adalah sangat dikagumi.”

Sultan Sharafuddin juga bertitah telah mengenali mendiang sejak sekian lama menerusi aktiviti bersama dalam Royal Asiatic Society.

“Mendiang telah banyak memberi pandangan dan nasihat kepada beta mengenai isu-isu semasa khususnya yang menyentuh aspek-aspek sejarah dan arena sukan.

“Baru-baru ini, mendiang telah membantu beta untuk menerbitkan sebuah buku yang merangkumkan sejarah bola sepak Selangor yang bakal diluaran akhir tahun ini,” titah Baginda.

Menurut Sultan Sharafud-

din, bagi mengenang jasa-jasa mendiang kepada negeri Selangor, baginda telah menganugerahkan mendiang dengan Darjah Kebesaran Dato’ Paduka Mahkota Selangor (DPMS) pada tahun 2009.

“Beta yakin legasi mendiang Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim akan terus terpahat dalam sejarah Malaysia dan terus menyumbang kepada pembangunan modal insan di negara ini.” titah baginda.

Akaun Facebook Selangor Royal Office turut memuat naik gambar lama Sultan Sharafuddin berkenan memberi anugerah kepada mendiang Kay Kim.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Pemergian Kay Kim Kehilangan Besar
MUKA SURAT	21

## Pemergian Kay Kim kehilangan besar

**SHAH ALAM** - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menyifatkan pemergian tokoh sejawat negara, Prof Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim sebagai kehilangan besar kepada negara.

Menerusi satu kenyataan di muat naik di akaun Facebook rasmi *Selangor Royal Office*, baginda bertitah sudah mengenali mendiang menerusi aktiviti dalam *Royal Asiatic Society*.

Titah baginda, mendiang banyak memberi pandangan dan nasihat kepada baginda mengenai isu semasa berkaitan sejarah dan arena sukan.

"Beta zahirkan rasa sedih dan dukacita mendengar berita mengenai pemergian Kay Kim.

"Beta dan Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin mengucapkan takziah kepada isteri mendiang, Puan Sri Rathi Khoo dan anak-anak mendiang, Eddin, Rubin dan Mavin," titah



SULTAN SHARAFUDDIN

baginda dalam kenyataan itu.

Dalam pada itu, Sultan Sharafuddin juga menggumi sumbangan mendiang sebagai salah seorang individu yang terlibat dalam menggubal Rukun Negara.

"Beta yakin legasi mendiang Tan Sri Dr Khoo Kay Kim akan terus terpahat dalam sejarah Malaysia dan akan terus menyumbang kepada pembangunan modal insan di negara ini," titah baginda.

Sultan Sharafuddin

bertitah, bagi mengenang jasa-jasa mendiang kepada negeri Selangor, mendiang Kay Kim telah dianugerahkan dengan Darjah Kebersaran Datuk Paduka Mahkota Selangor (DPMS) pada tahun 2009.

Kay Kim, 82, dilapor meninggal dunia akibat jangkitan paru-paru di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) pada jam 10.13 semalam.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Chef. Selebriti Masak Bubur
MUKA SURAT	22

# Chef, selebriti masak bubur

Lebih 5,000 bekas diedar untuk warga Selangor

MUHAMMAD AMINNURALIFF  
MOHD ZOKI

SHAH ALAM

Ramadan yang penuh dengan keberkatan dan semangat kebersamaan mengeratkan silaturahim sesama insan menjadi teras utama Nu Ideaktiv Sdn Bhd dan Majalah Rasa mengajurkan program Rasa Bubur Lambuk Mega Warisan Selangor Sabtu lalu.

Program yang julung kali dianjurkan oleh Nu Ideaktiv Sdn Bhd dan Majalah Rasa dengan kerjasama Tourism Selangor serta beberapa agensi itu diadakan di Dataran Kemerdekaan Shah Alam.

Editor Majalah Rasa, Ida Abd Aziz berkata, program itu bertujuan mengimarahkan lagi Ramadan dan satu usaha mengukuhkan semangat kerjasama serta penyatuan masyarakat.

"Kita masa bubur lambuk ini bersama melibatkan seramai 120 penuntut institusi pengajian tinggi, chef dan selebriti.



Aktiviti memasak bubur lambuk dilakukan secara bergotong-royong bersama penuntut institusi pengajian tinggi, chef dan selebriti.

cak Alam, Politeknik Sultan Idris Shah, Kolej Damansara Utama dan ramai lagi.

"Menariknya, program ini menggabungkan pelbagai bangsa dan paling penting perpaduan ini diterapkan dalam usia muda. Itu yang menjadi agenda utama kami," katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Sinar Harian* pada Program Rasa Bubur Lambuk Mega Warisan Selangor 2019.

Katanya, sebanyak 20 periuk bubur lambuk yang dimasak diedarkan kepada orang ramai, pasukan beruniform dan masjid sekitar Shah Alam.

"Beberapa selebriti, chef selebriti, Hero Remaja, Dewi Remaja dan Instafamous turut sama meriahkan program ini.

"Program ini sekali gus sebagai satu usaha menerapkan rasa syukur dan saling berbahagi rezeki melalui pengedaran bubur lambuk sebagai usaha mengukuhkan perpaduan dan kerjasama masyarakat dengan aktiviti gotong-royong ini," katanya.

Majlis turut dimeriahkan dengan penyampaian sumbangan daripada pihak FGV Holdings Berhad kepada beberapa badan kebaikan selain pelancaran edisi khas lebaran Majalah Rasa.



Sebanyak 20 periuk bubur lambuk yang dimasak diedarkan kepada orang ramai, pasukan beruniform dan masjid sekitar Shah Alam.



Syamil Fahim (kanan) bersama Rashid melancarkan edisi khas lebaran Majalah Rasa pada Program Rasa Bubur Lambuk Mega Warisan Sabtu lalu.

Majlis tersebut dirasmikan Exco Jawatankuasa Tetap Kebudayaan dan Pelancongan, Peradaban Melayu dan Warisan Selangor, Datuk Rashid Asari.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Nu Ideaktiv Syamil Fahim Mohd Fahim, Ketua Pegawai Operasi FGV Syed Mahdhar Syed Hussain dan tetamu lain. 22



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	16 kawasan sekitar Gombak terjejas paip pecah
MUKA SURAT	69

# 16 kawasan sekitar Gombak terjejas paip pecah

B.H - ms-69

**Kuala Lumpur:** Bekalan air di 16 kawasan terjejas, apabila paip milik Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) di hadapan Kompleks Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Jalan Batu Caves, Gombak, pecah, semalam.

Kawasan yang terkesan dengan insiden paip pecah itu ialah Kampung Indian Settlement Batu Caves, Kampung Baru Batu Caves, Taman Batu Caves dan Kampung Melayu Batu Caves.

Kawasan lain ialah Taman Samudera, Taman Selasih Fasa 1&2, Taman Greenwood Indah, Kampung Changkat, Taman Koperasi Fasa 1&2, Taman Pelangi Jaya, Kampung Batu Muda Tambahan, Kampung Batu Muda, Taman Bullion Mewah, Perusahaan Batu Caves, Taman Sri Batu Caves dan Taman Desa Batu Caves.

## Maklumat dikemas kini

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Pengurusan Air Selangor, Abdul Raof Ahmad, berkata pihaknya juga akan mengemas kini maklumat terkini menerusi aplikasi dalam talian Air



**Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari melawat lokasi paip pecah di Jalan Batu Caves, Gombak, semalam.**

Selangor dari semasa ke semasa.

Beliau berkata, Air Selangor sedang giat melaksanakan kerja pembaikan.

Pada masa sama katanya, Air Selangor sudah memaklumkan kepada pelanggan mengenai masa-

lah berbangkit, menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS).

## Hantar lori tangki air

"Kita turut menghantar bantuan lori tangki air ke kawasan terjejas. Segala usaha sudah diambil bagi

mempercepatkan kerja pembaikan dan meminimumkan impak gangguan air," katanya.

Terdahulu, tular beberapa muat naik di media sosial mendakwa kawasan kompleks terbabit banjir akibat paip pecah.



**Abdul Raof Ahmad,**  
Ketua Jabatan Perhubungan  
Pelanggan dan Komunikasi  
Pengurusan Air Selangor



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	Tindakan tegas jika unsur cuai punca paip pecah di WCE
MUKA SURAT	20

# Tindakan tegas jika unsur cuai punca paip pecah di WCE

B.H - ms-20

[FOTO SADDAM YUSOFF/BH]



**Baru melepaskan konvoi keselamatan** ketika merasmikan Kempen Keselamatan Lebuhraya Sempena Hari Raya Aidilfitri di Grand Sepadu, Klang, semalam.

**Klang:** Tindakan tegas akan dikenakan terhadap pihak berkaitan jika ada unsur kecuaian dalam kejadian paip pecah di jajaran pembinaan Lebuhraya West Coast Expressway Sdn Bhd (WCE) Banting-Taiping awal bulan ini.

Menteri Kerja Raya, Baru Bian, berkata ketika ini, siasatan bagi mengenal pasti punca runtuhannya sehingga menyebabkan hampir 800,000 pengguna di Klang mengalami gangguan bekalan air, masih dijalankan.

“Kita kena tunggu laporan perihal terlebih dahulu. Kita ada undang-undang, kalau sebab cuai sudah pasti tindakan akan diambil terhadap pihak berkaitan.

“Walau apapun, kita kena lihat seluruh aspek sebelum membuat keputusan lanjut,” katanya selepas merasmikan Kempen Keselama-

tan Lebuhraya Sempena Hari Raya Aidilfitri di Kawasan Rehat dan Rawat Klang Utara Lebuhraya Pinat Salat Kelang Utara Baru (Grand Sepadu), di sini, semalam.

Yang turut hadir Timbalan Menteri Kerja Raya, Mohd Anuar Mohd Tahir; Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Datuk Syed Omar Sharifuddin Syed Ihsan; Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia, Datuk Aziz Abdullah dan Yang Dipertua Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia, Datuk Azman Ismail.

Sebelum ini, WCE menafikan kejadian tiga paip utama pecah di jajaran pembinaan Lebuhraya WCE Banting-Taiping berpunca dari reka bentuk dan pembinaan lebuhraya itu.

Dalam satu kenyataan, WCE menegaskan siasatan awal mendapati

masalah struktur tembok tanah itu berpunca daripada perubahan struktur tanah terbabit dan ketika ini, siasatan pihak perunding geoteknikal masih berjalan.

## Tuntut kos ganti rugi

Masalah paip pecah itu menyebabkan 160,000 akaun atau hampir 800,000 pengguna di Klang mengalami gangguan bekalan air.

Berikutnya itu, Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari, berkata kerajaan Selangor akan menuntut kos ganti rugi terhadap pemaju projek pembinaan WCE Banting-Taiping susulan kejadian paip pecah hingga mengakibatkan bekalan air terjejas.

Beliau berkata, pihaknya kini sedang membuat penilaian kos yang sudah ditanggung bagi mengatasi masalah itu.



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	Lori tersangkut di lubang besar
MUKA SURAT	3

**Kuala Lumpur****H·M - M S- 3**

## Lori tersangkut di lubang besar

Sebuah lori tersangkut di jalan berlubang yang dipenuhi air akibat paip pecah berhampiran Kompleks Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Jalan Batu Caves, Gombak, di sini, semalam.

Kejadian berlaku apabila pemandunya tidak menyedari jalan itu rosak ketika melaluinya akibat dipenuhi air, namun tiada kemalangan jiwa.

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) masih menyiasat punca kejadian dan memberi tumpuan pembaikan.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Pengurusan Air Selangor Abdul Raof Ahmad

berkata, pihaknya akan mengemas kini maklumat terkini menerusi aplikasi dalam talian, Air Selangor.

“Kawasan terkesan Kampung Indian Settlement Batu Caves, Kampung Baru Batu Caves, Taman Batu Caves, Kampung Melayu Batu Caves, Taman Samudera, Taman Selasih Fasa 1&2, Taman Greenwood Indah, Kampung Changkat, Taman Koperasi Fasa 1&2, Taman Pelangi Jaya, Kampung Batu Muda Tambahan, Kampung Batu Muda, Taman Bullion Mewah, Perusahaan Batu Caves, Taman Sri Batu Caves dan Taman Desa Batu Caves,” katanya ketika dihubungi, di sini,



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	87 Tahun arah sama
MUKA SURAT	14

# 87 TAHUN ARAH SAMA

## ■ Kiblat Masjid Diraja Sultan Suleiman tak pernah berubah sejak dibina 1932

**Mahaizura Abd Malik**  
mahaizura@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur** H-M m 5 - 19/15

**K**emunikan Masjid Diraja Sultan Suleiman, Klang Selangor bukan sajalah terletak pada rekaan seni binaanya, tetapi istimewanya Sultan Ala'eddin Suleiman Shah terabit secara langsung dalam sejarah penentuan arah kiblat rumah ibadah itu.

Untuk rekod, kebanyakan masjid yang dibina ketika zaman penjajahan British terpaksa diubah kedudukan kiblatnya kerana berbeza ukurannya dengan kaedah diguna pakai ahli falak di Jabatan Mufti hari ini.

Namun, berbeza dengan Masjid Diraja Sultan Suleiman, ketepatan kedudukan arah kiblatnya tidak dapat disangkal dan diperakui Bahagian Falak, Jabatan Mufti Selangor selepas membuat semakan semula sebelum mengesahkan arah kiblat masjid berusia 87 tahun itu tidak perlu diubah.

Berdasarkan sejarah, Penyelidik Sejarah Selangor, Faisal Surani berkata, sebelum pembinaan cerucuk masjid dimulakan, satu majlis istiadat pecah tanah, penentuan kiblat dan doa selamat diadakan pada awal 1932 sebelum diserahkan kepada baginda, Jun 1933.

"Istiadat ini turut dihadiri Raja Muda Tengku Musa'eddin, Syeikhul Islam Selangor, Tengku Mahmud Zohdi Al-Fathani, ulama dan pakar ilmu falak, Kiai Haji Muhammad Ali Qaribun (pengasas awal sistem pendidikan pondok di Selangor pada 1917), Dato' Kaya Abdul Hamid Dato' Kaya Baduk, Pawang Diraja Haji Shawal Haji Jamal, Kadi Besar Selangor, Raja Haji Othman serta beberapa kerabat diraja, pembesar istana dan penghulu.

"Turut hadir pada hari bersejarah itu ialah orang kuat di sebalik pembinaan masjid ini iaitu Penolong Arkitek Kanan Selangor Leo Frick Kesteven, juruterapis ahli falak John Thomas Chester, Juruterapis Negeri Selangor dan beberapa pegawai British lain," katanya.

Katanya, penetapan arah kiblat masjid itu menggunakan kaedah istiwa A'dzham (fenomena matahari berada di atas Kaabah) disaksikan dan diperkenankan sendiri Sultan Ala'eddin Suleiman Shah.

"Mengikut cerita keluarga Pawang Diraja Haji Shawal, Sultan Ala'eddin Suleiman Shah mempelajari ilmu falak tentang penentuan arah kiblat dengan seorang ulama, Kiai Haji Muhammad Ali Qaribun Sijangkang, iaitu sahabat kepada Tengku Mahmud Zohdi Al-Fathani yang mahir menggunakan ilmu falak dalam penentuan arah kiblat dan waktu solat.

"Kaedah ilmu Istiwa A'dzham digunakan dalam menentukan arah kiblat masjid itu apabila berlaku fenomena ini, nilai sudut istiwa matahari sama dengan nilai latitud Makkah di mana Kaabah terletak. Ketika itu, Sultan Ala'eddin Suleiman Shah berkenan tongkatnya digunakan sebagai alat untuk menentukan arah kiblat.

"Baginda memacak tongkatnya di atas tanah dan berdasarkan bayang matahari tongkat berkenaan, Kiai Haji Muhammad Ali Qaribun dengan kemahiran ilmu falaknya dapat menentukan arah kiblat masjid itu," katanya.



Katanya, kedudukan arah kiblat masjid itu disemak oleh beberapa jururukun British dan disahkan tepat dan betul oleh pegawai pejabat agama Islam.

"Jika berdasarkan tarikh mula kerja pembinaan masjid pada Mac 1932 dan menggunakan kaedah Istiwa A'dzham, kemungkinan tarikh penentuan arah kiblat masjid ini dilakukan pada Jumaat, 27 Mei 1932 kerana tahun itu tahun lompat.

"Jadi, mengikut kaedah ini, matahari akan melalui di atas Kaabah dan berada pada kedudukan istiwa dua kali setahun iaitu pada 28 Mei (jam 5.16 petang) dan 16 Julai (jam 5.28 petang) pada tahun biasa dan kurang sehar pada tahun lompat iaitu pada 27 Mei dan 15 Julai," katanya.



# KERATAN AKHBAR 29 MEI 2019 (RABU)



## »INFO MASJID

- Anjung utama menuju ke mimbar menghala tepat ke arah kiblat Makkah
- Masjid mula dibina Mac 1932, siap pada 31 Mei 1933
- Perasmian masjid pada hari Jumaat, 23 Jun 1933
- Masjid terbesar di Tanah Melayu ketika itu





<b>AKHBAR</b>	THE SUN
<b>TAJUK BERITA</b>	Clean-up acts
<b>MUKA SURAT</b>	1 & 5

# Clean-up acts

THE SUN PAGE - 1

- Local council revokes licence for recycling plant
- Plastic waste sent back to countries of origin

■ BY CHARLES RAMENDRAN AND CINDI LOO  
newsdesk@thesundaily.com

**K**UALA LUMPUR: Malaysia took some decisive steps yesterday to reiterate the fact that it will not be the world's dumping ground.

In an about-turn, the Sepang Municipal Council (SMC) revoked a six-month temporary operating licence issued to a plastic waste recycling factory, ordering the China-owned company to cease operations with immediate effect.

Earlier in the day, Energy, Science,

Technology, Environment and Climate Change Minister Yeo Bee Yin oversaw the shipping of 450 metric tonnes of contaminated plastic waste back to their countries of origin.

The SMC decision was made following a two-hour meeting between its deputy president Muhammad Hafiz Shaari and municipal councillors yesterday.

It is learnt that all 23 councillors unanimously objected to the factory's operations in Sungai Pelek, Sepang, citing health and environmental hazards.

Sungai Pelek assemblyman Ronnie Liu

described the move as commendable as the recycling process is detrimental to both the environment and humans.

"This is good news. We hope this does not come back to Sungai Pelek. We do not want any more licences to be issued for the processing of foreign plastic waste. I hope everyone, including officers of SMC, learns something from this. This is the victory of the people who had objected to the factory by staging two peaceful demonstrations," he said.

SMC councillor P. Sivakumar, who was among those present at the meeting, said efforts to close down the factory had been made since last year.

"The council tried to shut down the place but the temporary licence was issued following the intervention of the Department of Environment (DOE)," he said.

Turn to  
page 5

## Firms given 14 days to ship out waste

PAGE - 5

"The DoE should have consulted the local authorities and the people first before backing up such operations," he told *theSun*.

SMC president Mohd Fauzi Mohd Yatim and his deputy, Muhammad Hafiz, declined comment when contacted.

Sungai Pelek Joint-Associations of Religious Houses president Joshua Tee, who led a protest with over 200 residents opposite the factory on Sunday, lauded SMC for being sensitive to the concerns of the people.

However, he said residents will continue to stay alert and monitor the factory to ensure its operations do not resume.

At yesterday morning's event in Port Klang, Yeo said the plastic waste were being shipped back to Australia, the United States, Canada, Saudi Arabia, Japan, China and Bangladesh.

From  
front  
page

The waste, in 10 containers, are only the first batch. The plan is to return a total of 3,000 tonnes of such waste that have found their way into the country.

An additional 50 containers will be sent back to their countries of origin once the necessary inspections have been completed.

Yeo described the importers of contaminated plastic waste as "traitors" to the country's sustainability, adding that action will be taken against them.

"Garbage is traded under the pretext of recycling. Malaysians are forced to breathe in poor quality air thanks to the open burning of plastics. This is a health hazard. Rivers are polluted and there are illegal landfills, apart from other problems."

Yeo said the companies involved have been given 14 days to ship the waste out of Malaysia. Legal action will be taken against those who fail to comply.

She urged developed countries to rethink their waste management approach.

"Companies that preach recycling are the ones dumping garbage on developing countries."

She said investigations revealed that a recycling company in the United Kingdom has been exporting plastic waste to Malaysia regularly over the past two years.

"They have already sent more than 1,000 containers or 50,000 metric tonnes of garbage here," she said.

"We are compiling a list of errant recycling companies in developed countries and we will send the list to their governments for further action."